

25/06/2002

`Dr Mahathir tetap ketua kerajaan di Parlimen'

Wan Hazmir Bakar; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Persoalan mengenai kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai ketua kerajaan di Parlimen tidak berbangkit sama sekali, kata Yang Di-pertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah mengumumkan bahawa Perdana Menteri bersetuju menarik balik pengumuman beliau melepaskan jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Beliau (Dr Mahathir) akan terus menjadi ketua kerajaan dalam Parlimen. Sama ada penarikan beliau itu boleh diterima atau tidak bukanlah menjadi satu persoalan kerana perkara itu sudah diumumkan Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau sudah menarik balik keputusan itu.

"Dengan yang demikian, pada fikiran saya, ia adalah penarikan yang sah dan boleh dipakai," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Beliau diminta mengulas tindakan beberapa wakil pembangkang mempersoalkan kedudukan Dr Mahathir sebagai ketua kerajaan berikutan pengumuman mengejut Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu.

Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) berkata, persoalan itu berbangkit kerana Dr Mahathir tidak membuat sebarang pengumuman secara peribadi walaupun bagi menarik balik keputusannya.

Mengenai pengganti Datuk Fadzil Mohd Nor sebagai Ketua Pembangkang, Mohamed Zahir berkata, beliau akan mendapatkan pandangan semua wakil pembangkang sebelum membuat keputusan.

Katanya, beliau perlu mendapatkan pandangan semua wakil pembangkang kerana Ketua Pembangkang mewakili semua parti pembangkang, bukan partinya saja.

"Selepas proses mendapatkan fikiran daripada setiap mereka itu, maka saya akan membuat pilihan siapa yang layak dan siapa yang mendapat sokongan majoriti.

"Selepas itu barulah saya membuat pengumuman dalam Dewan Rakyat pada hari tertentu untuk menamakan seseorang itu sebagai ketua pembangkang," katanya menjelaskan proses pengganti.

Fadzil yang juga Presiden Pas meninggal dunia semalam selepas tidak sedarkan diri selepas menjalani pembedahan pintasan koronari 10 Jun lalu.

Ditanya bilakah beliau akan berbuat demikian, Mohamed Zahir berkata beliau akan mengusahakannya secepat mungkin.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada tempoh khusus ditetapkan untuk beliau melantik pengganti Ketua Pembangkang.

"Minggu ini tidak sempatlah, barang kali pada mesyuarat akan datang saya boleh mengumumkan nama Ketua Pembangkang...tak ada tempoh waktu khusus," katanya.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berakhir Khamis ini.

(END)